

Pelantikan hakim melalui semua proses sewajarnya

BERITA HARIAN 20 JUL 2025 m/s: 2

Bukit Mertajam: Proses pelantikan lapan hakim Mahkamah Rayuan dan 14 di Mahkamah Tinggi telah melalui semua peringkat sewajarnya kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, proses itu termasuk penilaian Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (JAC), perbincangan dengan Majlis Raja-Raja dan akhirnya perkenan Yang di-Pertuan Agong.

“Ramai tanya saya kenapa tidak umum lebih awal. Saya tidak boleh jawab sewenang-wenangnya kerana proses pelantikan hakim membabitkan perkenan Yang di-Pertuan Agong.

“Ia perlu melalui perbincangan bersama Majlis Raja-Raja dan setelah dipersetujui barulah

dibawa semula kepada Agong untuk diperkenan,” katanya berucap pada majlis pelancaran Pelan Induk Bumiputera, Tunas MADANI dan Projek Perumahan JKPSB di sini, semalam.

Anwar berkata, tiada hakim yang dipecat seperti digambarkan oleh sesetengah pihak, sebaliknya proses pemilihan hakim baharu perlu dilaksanakan dengan teliti dan penuh hormat kepada sistem Raja Berperlembagaan.

Anwar juga berkata, beliau tidak memberikan sebarang kenyataan balas berhubung pelantikan Ketua Hakim Negara dan hakim atasan lain kerana menghormati sistem dan prosedur pemilihan yang melalui peringkat sewajarnya.

Katanya, selama seminggu beliau menerima tohmahan daripada pembangkang mendakwa kononnya dirinya perosak badan kehakiman.

Termaktub Perlembagaan

Tegasnya, apa yang dilaksanakan berlandaskan sistem semak dan imbang seperti yang termaktub dalam Perlembagaan.

“Seminggu dia (pembangkang) ‘balun’ kita setengah mati kata Anwar perosak Badan Kehakiman, tetapi hakim mana yang saya buang? Hakim mana yang kena pecat? Tak ada.

“(Ketika itu) saya nak jawab tak boleh sebab pelantikan hakim membabitkan perkenan Yang di-Pertuan Agong,” katanya.

Kelmarin, Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim memperkenankan pelantikan Datuk Wan Ahmad Farid Wan Salleh sebagai Ketua Hakim Negara yang baharu.

Baginda juga memperkenalkan pelantikan Datuk Abu Bakar Jais sebagai Presiden Mahkamah Rayuan dan Datuk Azizah Nawawi sebagai Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak bagi menggantikan Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak yang bakal bersara.

Hakim terbabit dijadual angkat sumpah pada 28 Julai ini.

Pada majlis anjuran Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang (MPBPP) itu, Anwar melancarkan Pelan Induk Pem-

angunan Bumiputera Pulau Pinang (PIBPPP) 2026-2035, Program Tunas MADANI dan Projek Perumahan JKPSB sebagai inisiatif membantu golongan Bumiputera Pulau Pinang.

Pelancaran PIBPPP 2026-2035 itu bakal menjadi panduan strategik utama dalam memacu pembangunan komuniti Bumiputera di Pulau Pinang secara berterusan, inklusif dan mampan sepanjang tempoh sepuluh tahun, berdasarkan Rukun MADANI.

PIBPPP dibangunkan dengan kerjasama Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sains Malaysia (USM) serta Universiti Teknologi MARA (UiTM) sebagai perunding dan penyelidik bersama MPBPP.